

PETIKAN TITAH

"UNTUK memastikan bahawa para pengusaha tempatan dapat bersaing dalam pasaran eksport terbuka, kerajaan beta adalah terus memberikan perhatian terhadap penghasilan produk tempatan yang berkeupayaan untuk memenuhi keperluan

**MANISNYA IMAN**

"DAN janganlah kamu senghaja mencampakkan diri kamu ke dalam babaya kebinasaaan dan baikkah dengan sebaik-baiknya segala usaha dan perbuatan kamu kerana sesungguhnya Allah mengasihani orang-orang yang berusaha

Rabu

29 Jun 2005

22 Jamadilawal 1426
Tahun 50 Bilangan 26[Berita Utama](#)[Berita Ringkas](#)[Haluan](#)[Dari Sidang Pengarang](#)[Analisis](#)[Melirik Masa Silam](#)[Sorotan](#)[Aneka Rencana](#)[Fokus](#)[Suara Dari Mimbar](#)[Menuju Keredaan Allah](#)[Teropong Pelita](#)[Bicara IT](#)[Surat Pembaca](#)[Minda Pembaca](#)[Remaja](#)[Pesta Sukan
Kebangsaan 2005](#)[Arena Sukan](#)[Iklan-iklan Tawaran](#)[Iklan-iklan Tawaran
Kerja](#)[Iklan-iklan Tawaran
Mengikuti Kursus](#)[Arkib](#)**TAHUKAH AWDA?**

DENGAN pemindaan Akta Penyalahgunaan Dadah, Penggal 27 pada bulan Jun 1992, Negara Brunei Darussalam telah menguatkuasakan hukuman mati bagi memiliki dadah terkawal untuk pengedaran lebih daripada 15g Diamorphine (Heroin); 15g Morphine; 1,200g Opium; 500g Ganja; 200g Resin Ganja; 30g Kokain; atau 50g Methylamphetamine. Seksyen 15 Akta Penyalahgunaan Dadah memperuntukkan seseorang yang didapati memiliki beberapa jumlah dadah yang terkawal diandaikan sebagai menyeludup dadah terkawal jika didapati memiliki lebih daripada 2g Diamorphine (Heroin); 3g Morphine; 100g Opium; 15g Ganja; 10g Resin Ganja; 3g Kokain;

HALUAN

TITAH Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam di Majlis Pengurniaan Ijazah Doktor Kehormat dari Universiti MGIMO, Moscow, Persekutuan Russia pada 8 Jun 2005.

BRUNEI PUJI PENCAPAIAN KECEMERLANGAN AKADEMIK RUSSIA

PENGHORMATAN yang telah diberikan kepada beta dan rakyat Negara Brunei Darussalam oleh Presiden Putin dengan mengundang beta untuk mengadakan lawatan rasmi ke negara tuan yang besar ini adalah satu yang amat beta hargai. Hari ini, perasaan tersebut semakin mendalam dengan penganugerahan ikhlas yang telah diberikan kepada beta.

Rekod penyelidikan bebas yang panjang oleh institut ini adalah dimaklumi lebih dari sempadan Moscow dan Russia sendiri. Sumbangan kepada bantuan antarabangsa yang telah dibuat oleh kakitangan akademik yang terkenal adalah sangat terpuji bagi kesungguhan serta kedalaman pengetahuan mereka. Ia juga terkenal khususnya bagi dedikasi mereka bukan sahaja terhadap kecemerlangan akademik tetapi juga keperluannya yang mantap terhadap dunia tempat tinggal kita pada masa kini. Ini dengan jelas terbukti dengan pembukaan Pusat Pengajian Pasca-Soviet pada awal kurun baru ini.

Dalam banyak cara, penubuhan pusat berkenaan mengiktiraf bahawa kita telah mencapai satu detik bersejarah dalam pergerakan hal-ehwal antarabangsa moden. Ia juga mengisytiharkan bahawa komitmen rakyat Russia dalam memainkan peranan penting dalam dunia antarabangsa yang baru yang kita kongsi bersama ini. Usaha yang telah dilakukan di sini telah mengarah kepada pemahaman dunia dan tempat yang terpenting ini yang telah diisi oleh rakyat Russia.

Di Negara Brunei Darussalam dan juga seluruh Asia Tenggara, kita menaruh kepentingan yang tinggi terhadap usaha sedemikian. Cabaran yang sangat mendesak yang telah diwujudkan oleh perkembangan moden sosial dan teknologi hanya dapat dipenuhi dengan jayanya, jika penyelesaian dibentuk atas dasar pengajian yang mendalam dan analisis yang tepat. Tugas inilah yang telah pihak Russia lakukan dan ianya adalah sangat berharga.

Russia telah membuat kajian yang bagi kami dalam forum politik dan diplomatik merujuknya sebagai 'punca penyebab' terhadap perkara yang membimbangkan bagi semua orang hari ini. Biskita telah bekerja dalam satu kerja asas yang penting pemahaman antarabangsa yang kita semua harapkan akan menawarkan satu jalan keluar dari kekecewaan dan persengketaan.

Ia menawarkan satu asas, tempat terbaik-baik semula bukan sahaja tempatan dan juga perbezaan antarabangsa, tetapi juga konfrontasi yang sudah lama terjadi yang telah membentuk dunia kita yang saling bersandar antara satu dengan yang lain dan juga global ini.

Jadinya, beta sangat merasa gembira untuk berada di sini. Beta bangga untuk menerima anugerah yang telah dengan ikhlas dianugerahkan kepada beta, bukan sahaja secara peribadi, tetapi juga bagi pihak rakyat beta dan sebagai pengiktirafan hubungan persahabatan dan muhibah yang telah wujud antara kedua-dua negara kita.

Hubungan rasmi kita baru sahaja ditubuhkan. Tetapi penghargaan terhadap rakyat Russia dan sejarah epik yang panjang dan pencapaian yang membanggakan dalam banyak aspek usaha manusia yang cemerlang menjadikan kami lebih berupaya untuk memahami kebanggaan biskita terhadap negara biskita sendiri.

Bagi kami pula dan skala yang kurang epik, kita juga bangga dengan sejarah panjang dan pencapaian masyarakat kita yang ada dalam negara kami. Mungkin nilai sosial yang mendalam terhadap masa lalu kami telah memberikan kami penghormatan terhadap orang lain, apa jua pun latar belakang mereka, kepercayaan dan agama. Dengan yang demikian, penglibatan tinggi kami hari ini terhadap prinsip-prinsip antarabangsa dalam dialog dan perundingan, tidak kira bagaimanapun susahnya masalah berkenaan, berapa pun panjang prosesnya atau berapa pun hasilnya yang mengecewakan.

Ini mencerminkan banyak prinsip-prinsip murni yang telah diajarkan oleh kepercayaan kami. Ini telah mengarahkan kami pada setiap masa untuk menggunakan sebaik mungkin anugerah manusia untuk mengamalkan bertimbang rasa, memahami dan setia kawan. Dengan yang demikian, kepercayaan kami yang jalan ke arah perdamaian dan persahabatan yang tulen berpanjangan adalah dengan baik dicapai melalui pertemuan antara orang, saling mengenali dan memahami antara satu dengan yang lain, belajar untuk menghargai antara satu dengan yang lain dan yang terpenting, sentiasa sensitif terhadap kebimbangan antara satu dengan yang lain.

Beta telah mengalami pemahaman dan penghormatan yang mesra seperti itu yang telah diberikan oleh pemimpin tuan dan rakyat Russia. Oleh kerana itu, beta dengan gembira menerima undangan presiden untuk mengadakan lawatan rasmi ini. Beta berharap ia akan membawa kepada satu penguatan dan hubungan yang cemerlang yang telah mula kita bina.

Semangat persahabatan dan muhibah rakyat Russia telah menjadi contoh yang jelas dengan penganugerahan yang telah diberikan kepada beta hari ini. Beta sangat menghargainya. Beta mengucapkan terima kasih setingginya terhadap penghormatan untuk bersama biskita dan terhadap anugerah dan penghormatan yang telah diberikan kepada rakyat dan negara beta.

Sekian Wabillahit Taufik Walhidayah Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh.

Terima kasih.